

## KENYATAAN MEDIA

### KLN SEDIA BANTU PROGRAM ANTARABANGSA PELAJAR

Arau, 18 April - Kementerian Luar Negeri (KLN) sedia membantu urusan perjalanan pelajar yang terlibat dengan program universiti di luar negara.

Menurut Menterinya, Yang Berhormat Dato' Saifuddin Abdullah, kementeriannya bersedia memudahkan urusan perjalanan program antarabangsa universiti.

“Wisma Putra akan membantu perkara berkaitan visa dan perjalanan rombongan universiti dan wakil Malaysia di 106 pejabat di luar Negara sedia menanti di lapangan terbang.

“Malah baru-baru ini saya telah menjalankan perbincangan dengan beberapa kumpulan anak muda yang menubuhkan satu platform hubungan antarabangsa diketuai oleh Presiden Majlis Belia Malaysia,” katanya ketika menyampaikan ucapan pada Program Siri Pengurusan Negara Bersama Kepimpinan Pelajar UniMAP, di sini baru-baru ini.

Tambahnya lagi, beliau mencadangkan agar platform ini menjadi focal point (pusat tumpuan) sedia ada untuk membantu pelajar atau pengurusan universiti yang akan menjalankan program antarabangsa kerana semua universiti awam (UA) dan swasta mempunyai program antarabangsa.

“Oleh itu, mereka (pelajar atau pengurusan universiti) tahu dengan siapa atau bahagian mana yang perlu dirujuk untuk berurus bagi program luar Negara.

“Biasanya urusan tersebut tidaklah susah namun kerana tiadanya mekanisme sedia ada telah menyukarkan pelaksanaannya sekaligus membazirkan masa dan tenaga,” katanya.

Menurutnya lagi, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) universiti boleh berbincang dengan kementeriannya untuk mengenalpasti mekanisme bagi memudah dan melancarkan urusan program luar negara

Dato' Saifuddin yang dalam lawatan kerjanya ke UniMAP telah meluangkan lebih satu jam berdialog bersama pimpinan pelajar universiti tersebut.

Turut hadir pada program itu ialah Timbalan Naib Canselor UniMAP, Prof. Dr. Mohd Fo'ad Sakdan; Pustakawan UniMAP, Puan Mazmin Mat Akhir; dan Timbalan Pendaftar Kanan, Cik Hajah Ruzalina Ibnu Ruslan.

Dikeluarkan Oleh :

**Nurul Aida Othman ([aidaothman@unimap.edu.my](mailto:aidaothman@unimap.edu.my))**

**Penolong Pegawai Perhubungan Media UniMAP**

**Tel : 04-9798522**